

28/10/1999

MCA calonkan muka baru

KUALA LUMPUR, Rabu - Senarai calon MCA yang akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, bakal menyaksikan kemunculan ramai muka baru, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau berkata, keputusan beberapa Ahli Parlimen MCA melepaskan jawatan untuk bersara, selain memberi laluan kepada muka baru, memaksanya mengambil beberapa muka baru bertanding.

"Senarai itu sudah hampir siap, tetapi ia masih memerlukan kelulusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet di sini, hari ini.

Antara pemimpin MCA yang menawarkan untuk bersara ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah yang juga Ahli Parlimen Rasa di Negeri Sembilan.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata pemilihan calon pilihan raya MCA bukan suatu perkara yang mudah kerana barisan baru itu akan mempertahankan jumlah kawasan Parlimen tertinggi dalam sejarahnya.

MCA berjaya memenangi 35 kawasan Parlimen pada pilihan raya 1995.

(END)